



Kementerian Sumber
Asli dan Alam Sekitar



ماجوتان

Diterbitkan sejak 1932

MAJUTAN

Edisi September - Disember 2015 Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN BUKIT NANAS, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

1

KURSUS PENGURUSAN POKOK BAHAYA DI HUTAN LIPUR

23

PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA 51ST INTERNATIONAL TROPICAL TIMBER COUNCIL (ITTC) AND ASSOCIATED SESSIONS OF THE COMMITTEES

27

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-35

28

PERTANDINGAN KUIZ PELABURAN PNB 1MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

PAMERAN KARNIVAL PEKAN BUDAYA 2015	1
KURSUS PENGURUSAN POKOK BAHAYA DI HUTAN LIPUR	1
TAKLIMAT PENGENDALIAN PERALATAN PEMADAM API	2
PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN	2
PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA	
PELANCARAN COFFEE TABLE PERMATANG KUARZA GOMBAK SELANGOR	3
LAWATAN TAPAK DAN AKTIVITI MENANAM POKOK RHU PANTAI	4
BENGKEL PENCEGAHAN, PERSEDIAAN DAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (EPRP)	4
MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PERALIHAN SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEMELIHARA HUTAN	5
EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN BUKIT NANAS	6
PAYMENT FOR ECOSYSTEM SERVICES (PES) LAB FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA	7
KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA	8
MESYUARAT PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGUSAHASILAN HUTAN MENGGUNAKAN JENTERA LOG FISHER	9
LATIHAN ASAS TATACARA PENGGUNAAN, KESELAMATAN DAN PENYELENGGARAAN SENJATA API	10
KURSUS DAN PENILAIAN DENDROLOGI	11
THE 22ND MEETING OF THE CITIES PLANTS COMMITTEE	12
KURSUS GARIS PANDUAN JALAN HUTAN 2010 (PINDAAN 2013)	12
PAMERAN SEMPENA MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA (MASM) PERINGKAT NEGERI KEDAH	13
KURSUS EKOPELANCONGAN HUTAN (ASAS HOSPITALITI DAN KHIDMAT PELANGGAN) TAMAN EKO RIMBA DAN HUTAN TAMAN NEGERI	14
KURSUS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN BARANG KES KEPADA PEGAWAI PENYIASAT JPSM	15
MESYUARAT KETIGA MENTERI PERHUTANAN NEGARA-NEGARA KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (MMRF3)	16
KURSUS INTERPRESTASI SUMBER EKO PELANCONGAN (PAYA LAUT) JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT KG. SG. MELAYU, GELANG PATAH	17
BENGKEL PENGECAKAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKarpa TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2015 (ZON SELATAN)	18
MAJLIS PELANCARAN GANU INOKULUM JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU	19
KURSUS PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DAN PEMANDUAN BERHEMAM JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR	19
PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSEMPENA KONVENTSYEN PERUBAHAN IKLIM COP21	20
KURSUS PERTOLONGAN CEMAS ASAS & CPR	21
LAWATAN KERJA PENASIHAT SAINS Y.A.B. PERDANA MENTERI KE HUTAN PAYA GAMBUG PAHANG TENGGARA, PAHANG	21
KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA	22
THE FORTY-NINTH SESSION OF THE COMMITTEE ON REFORESTATION AND FOREST MANAGEMENT	22
PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA 51 ST INTERNATIONAL TROPICAL TIMBER COUNCIL (ITTC) AND ASSOCIATED SESSIONS OF THE COMMITTEES.	23
PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT	24
KEM SAYANG HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN 2015	25
SIRI WACANA PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN "SAINS DAN AKAL BUDI MELAYU"	25
PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA	26
PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-35 TAHUN 2015	27
PERTANDINGAN KUIZ PELABURAN PNB 1MALAYSIA [KATEGORI BADAN BERUNIFORM] TAHUN 2015	28
ANJURAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)	
KEMPEN KESEDARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN	29
LAWATAN KERJA TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR ENCIK JEFFRI BIN RASHID KE DAERAH JOHOR TIMUR, MERSING	29
LAWATAN RASMI TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE PULAU LANGKAWI	30
LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (EVACUATION DRILL)	31
PROGRAM SAMBUTAN MALAM TAHUN BARU KALI KE-7 2015	32
PERSATUAN BELIA DINAMIK BARAT	

DARI MEJA PENGARANG

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Rasulullah S.A.W.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia, Salam 1NRE dan Salam 1JPSM.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah berjaya menerbit sebuah Buletin MAJUTAN bagi Edisi September hingga Disember 2015 dengan memuat pelbagai artikel dan aktiviti perhutanan yang telah diadakan.



Terbitan Buletin MAJUTAN kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang dan dilaksana di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) sepanjang tempoh tersebut. Diharapkan paparan berita dan artikel yang berinformasi ini dapat memberi maklumat kepada semua warga jabatan, terutamanya aktiviti-aktiviti yang melibatkan perhutanan.

Justeru itu, pihak sidang redaksi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga JPSM yang telah menyumbang laporan artikel dan aktiviti bermanfaat ini untuk dikongsi bersama. Diharap agar warga JPSM akan terus menyokong dengan memberi sumbangan artikel dan informasi yang bermasalah untuk Buletin MAJUTAN dalam edisi-edisi yang akan diterbitkan dalam tahun 2016 nanti.

Sekian, terima kasih.

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud
Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

Puan Shashiah binti Abdul Karim
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN

PENGARANG

Othman bin Deris

PENOLONG PENGARANG 2

Suhana binti Bebakar

URUSAN PERCETAKAN & EDARAN

Kamal Kusyairi bin Abd Ghani

PENOLONG PENGARANG 1

Asiah binti Yaacob

KONSEP DAN REKA BENTUK

Rajihan bin Rahim

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

JOHOR

Nurazwah binti Omar

NEGERI SEMBILAN

Siti Norhayati binti Mohamad Mastar

PULAU PINANG

Wan Mohd Yassim bin Wan Wahab

KEDAH

Siti Sarah binti Shaharuddin

PAHANG

Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim

SELANGOR

Nor Wahida binti Amran

KELANTAN

Suryani binti Mohd Nordin

PERAK

Nur' Ain binti Chek Mustafa

TERENGGANU

Mohd Hafni bin Ahmad Saraji

MELAKA

Noor Syuhada binti Abdul Samad

PERLIS

Abdul Wahab bin Jamaluddin

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadnai

WAKIL BAHAGIAN & UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN

Rosaizan Haryani binti Rosli

LATIHAN PERHUTANAN

Muhammad Hafidz bin Abdullah

PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN

Mohd Zulhilmi bin Mohd Radzi

PENGURUSAN HUTAN

Muhamat Azman bin Yahya

PENGUATKUASAAN HUTAN

Muhammad Firdaus bin Khadlan

SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN

Nor Hasliza binti Mohd Bokti

KEJURUTERAAN HUTAN

Ab. Rashid bin Othman

LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Hamidi bin Abd. Halim

KHIDMAT PENGURUSAN

Noorazila binti Yatim

PENGURUSAN MAKLUMAT

Harry Yong

FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU

Hairul bin Abdul Hamid

SETIAUSAHA PUSPANITA

Siti Raihana binti Ramli

JURUFOTO

Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani

PAMERAN KARNIVAL PEKAN BUDAYA 2015



Pelajar sekolah mengambil peluang berkunjung ke pameran karnival

KUALA BERANG, 2 September 2015 - Pejabat Hutan Daerah Terengganu Barat (PHDTB) dan Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan (PHDTS) telah menyertai Pameran Karnival Pekan Budaya 2015. Pameran Karnival Pekan Budaya Hulu Terengganu telah berlangsung pada 2 September 2015 hingga 8 September 2015. Gerai pameran PHDTB adalah bertemakan 'Sketsa Seorang Rimba Wan'. Manakala Pameran Karnival Pekan Budaya

Disediakan oleh: Haffiz bin Baharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



Konsep Daun Palas Kipas Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan

Dungun telah diadakan pada 4 September 2015 hingga 10 September 2015. Manakala gerai pameran PHDTS bertemakan 'Konsep Daun Palas Kipas'. Bagi pertandingan Gerai Pameran Karnival Pekan Budaya 2015, PHDTB telah mendapat tempat Ke-8, manakala PHDTS mendapat tempat Ke-3. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan pameran karnival ini.

TEMERLOH

KURSUS PENGURUSAN POKOK BAHAYA DI HUTAN LIPUR

TEMERLOH, 3 September 2015 - Kursus Pengurusan Pokok Bahaya di Hutan Lipur bagi kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang telah berjaya diadakan pada 1 hingga 3 September 2015 bertempat di Hutan Lipur Gunung Senyum, Temerloh. Kursus anjuran Pusat Latihan Perhutanan Pahang ini telah dihadiri seramai 37 orang peserta yang terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pekerja Awam Khas.



Peserta kursus yang terdiri daripada Pengawas Hutan dan Pekerja Awam Khas

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman kepada kakitangan jabatan khususnya yang terlibat secara langsung dengan pengurusan hutan lipur di negeri Pahang. Kursus ini menekankan kepentingan penilaian serta pengurusan pokok berbahaya di hutan lipur sebagai langkah penjagaan keselamatan petugas dan pengunjung. Peserta didedahkan secara teori dan amali oleh penceramah jemputan dari Bahagian Forest Eco-Park dan Taman Negeri, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) iaitu Encik Razis bin Othman, Encik Muhammad Firdaus bin Khadlan dan Encik Zulkifli Asmawi bin Mohamed Ameri.



Peserta sedang membuat analisis pokok bahaya

TAKLIMAT PENGENDALIAN PERALATAN PEMADAM API

MACHANG, 13 September 2015

- Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kursus Pengendalian Peralatan Pemadam Api pada 13 September 2015 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang. Kursus ini melibatkan penyertaan seramai 70 orang peserta. Objektif utama kursus ini adalah untuk mendedahkan kakitangan JPN Kelantan dalam penggunaan peralatan pemadam api. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Balai Bomba, Jajahan Machang, Kelantan. Dalam kursus ini setiap peserta kursus juga membuat latihan amali berkaitan dengan penggunaan alat pemadam api.



Anggota bomba memberikan penerangan mengenai penggunaan peralatan pemadam api

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA



Para pemain Futsal yang mengambil bahagian di dalam kejohanan persahabatan tersebut

BATU CAVES, 16 September 2015 - Biro Sukan, Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) cawangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Perlawanan Persahabatan Futsal Wanita antara Jabatan/Agensi 2015 pada 16 September 2015 yang telah diadakan di KSL Futsal Sri Gombak, Taman Sri Gombak, Batu Caves, Selangor.

Tiga (3) pasukan yang menyertai perlawanan ini iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) dan WATANIAH. Antara objektif perlawanan persahabatan ini adalah mengeratkan silaturahim di antara warga JPSM dengan Jabatan/Agensi Luar, memberi pendedahan kepada warga IPJPSM untuk menyertai sukan yang berbentuk riadah, membentuk sikap kerjasama dalam satu pasukan, dan meningkatkan tahap kecergasan dalam bidang sukan.

PELANCARAN COFFEE TABLE PERMATANG KUARZA GOMBAK, SELANGOR



Warga Jabatan Perhutanan Negeri Selangor bergambar kenangan bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B. Elizabeth Wong Keat Ping



Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B. Elizabeth Wong Keat Ping melawat ke tapak pameran



Penyerahan buku 'Coffee Table'

GOMBAK, 28 September 2015 - Majlis Pelancaran Buku *Coffee Table* Permatang Kuarza Gombak Selangor (PKGS) telah disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali bertempat di Tapak Rekreasi Permatang Kuarza Gombak Selangor. Majlis ini adalah anjuran bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dengan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS). Turut terlibat agensi-agensi kerajaan Negeri Selangor iaitu Unit Perancang dan Ekonomi Negeri, Majlis-Majlis Daerah serta lain-lain lagi.

Permatang Kuarza Gombak Selangor terletak di dalam Hutan Simpan Ulu Gombak Tambahan (1) telah diwartakan sebagai Taman Negeri Selangor (TNS). Tujuan buku ini dilancarkan adalah untuk memastikan kepelbagaiannya biologi dan geologi di kawasan berkenaan dapat dijadikan sebagai rujukan serta tatapan generasi akan datang. Selain itu, buku ini juga dapat dijadikan sebagai dokumen sokongan untuk membantu kawasan tersebut mendapat

pengiktirafan tapak warisan kebangsaan dan tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Semasa pelancaran, buku '*Coffee Table*' telah dibawa turun daripada pokok dengan menggunakan kaedah *flying fox* oleh pasukan pemanjat Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sejauh lebih kurang 100m dengan ketinggian melebihi 20m sebagai gimik pelancaran. Apa yang menariknya semasa majlis pelancaran ini juga, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor turut berkesempatan mencuba kaedah *flying fox* dengan jayanya.

Selain itu, sebanyak 10 anak pokok daripada spesies Jelutong dan Karas telah ditanam oleh para tetamu VIP yang hadir sebagai simbolik ke arah menghijaukan bumi serta menambahkan lagi kepelbagaiannya spesies pokok di kawasan tapak pelancaran.

Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor telah sudi meluangkan masa melawat tapak-tapak pameran serta bergambar dengan pasukan pemanjat JPNS sebagai tanda penghargaan.

LAWATAN TAPAK DAN AKTIVITI MENANAM POKOK RHU PANTAI

PONTIAN, 28 September 2015 - Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Mengenai Perancangan Dan Pelaksanaan Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara (JTPP) Bil. 3/2015 di Pontian, Johor. Bersempena mesyuarat tersebut, satu lawatan tapak dan aktiviti menanam pokok Rhu Pantai (*Casuarina equisetifolia*) telah diadakan di Benteng Laut, Tanjung Piai, Pontian, Johor. Seramai 100 orang terlibat dalam aktiviti ini terdiri daripada ahli mesyuarat dan penduduk setempat. Sebanyak 300 pokok Rhu pantai telah ditanam semasa acara lawatan lapangan tersebut.

Program tanaman ini diadakan bagi memberikan pendedahan dan kesedaran kepada penduduk setempat tentang kepentingan menjaga dan memulihara pesisiran pantai negara daripada sebarang bencana alam seperti tsunami serta mencegah hakisan pesisiran pantai akibat dari pukulan ombak terutama pada musim tengkujuh dan angin kencang.



Ahli Mesyuarat dan penduduk kampung bergambar bersama Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia



Bergambar bersama Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

BENGKEL PENCEGAHAN, PERSEDIAAN DAN PELAN TINDAKAN KECEMASAN (EPRP)

BANGI, 1 Oktober 2015 - Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan Bengkel Pencegahan, Persediaan Dan Pelan Tindakan Kecemasan (EPRP) pada 1-2 Oktober 2015 yang bertempat di Bilik Mutiara, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Bandar Baru Bangi, Selangor. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan asas kepada kakitangan Jabatan mengenai peringkat-peringkat tindakan awal Pencegahan, Persediaan Dan Pelan Tindakan Kecemasan yang perlu diambil sekiranya berlaku kemalangan, kebakaran atau sebarang kejadian kecemasan di IPJPSM. Bengkel ini juga dijalankan untuk memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994.

Fasilitator untuk bengkel ini adalah pihak *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) diwakili oleh Encik Nor'Azam bin Abu. Sejumlah 21 orang peserta hadir terdiri daripada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Secara keseluruhannya, tujuan bengkel ini diadakan bertujuan untuk melatih pegawai dan kakitangan IPJPSM supaya sentiasa bersedia dan mengetahui apa yang perlu dilakukan jika kejadian kecemasan berlaku di pejabat khasnya dan di lain-lain tempat amnya.



Sesi latihan cara yang betul mengendalikan peralatan memadam api



Peserta bengkel bergambar selepas sesi latihan EPRP

MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PERALIHAN SKIM PERKHIDMATAN RENJER HUTAN KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEMELIHARA HUTAN

KEPONG, 1 Oktober 2015 - Seramai 92 orang peserta yang terdiri daripada 89 orang Renjer Hutan Jabatan Perhutanan dan 3 orang Renjer Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan telah berjaya menamatkan Kursus Peralihan Skim Perkhidmatan Renjer Hutan Ke Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan yang telah diadakan selama 6 bulan. Kursus ini adalah untuk memenuhi salah satu syarat kelayakan Renjer Hutan yang tidak memiliki Sijil Perhutanan Renjer Hutan atau Diploma Perhutanan atau kelayakan setaraf dengannya untuk ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Penolong Pemelihara Hutan berdasarkan Surat Pekeling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2014. Pada kursus ini, peserta didedahkan kepada pengetahuan mengenai aspek pentadbiran seperti pengurusan kewangan, sebutharga, stor dan aset. Ini bertujuan menyediakan Penolong Pemelihara Hutan yang mempunyai kemahiran mentadbir dan mengurus yang lebih efisien.

Majlis penyampaian sijil kursus telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia di Dewan



YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Abd. Rahim menyampaikan sijil kursus kepada peserta

Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Majlis turut dihadiri YBrs. Tuan Borhanudin bin Hj. Arshad, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), YBhg. Dato' Hj. Ahmad Fadzil bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan, Tuan Hj. Zainal bin Jain Pengetua Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri dan Bahagian IPJPSM, serta Pegawai Kanan IPJPSM. Diharapkan melalui kursus ini, struktur organisasi JPSM akan lebih kukuh dalam menghadapi cabaran pada masa akan datang.



Sesi bergambar bersama peserta kursus yang berjaya menamatkan kursus

EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN BUKIT NANAS



Sesi bergambar bersama tetamu kehormat

KUALA LUMPUR, 4 Oktober 2015 - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Kali Ke-26 yang berlangsung selama lima (5) hari bertempat di Taman Eko-Rimba Hutan Simpan Bukit Nanas, Kuala Lumpur.

Ekspedisi saintifik ini telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim. Ekspedisi saintifik ini diadakan bagi mengumpul maklumat baharu mengenai kepelbagaian biologi hutan khususnya di kawasan Hutan Simpanan Bukit Nanas.

Ekspedisi saintifik kali ini melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta yang membentuk satu gandingan pintar. Gandingan pintar antara kakitangan JPSM serta penyelidik dari Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim sempena Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Bukit Nanas di Dataran Meranti Taman Eko-Rimba, Hutan Simpan Bukit Nanas



Peserta Ekspedisi sedang tekun menjalankan kajian Ekspedisi Saintifik

(UPM) ini telah menjalankan kajian terhadap pelbagai aspek seperti aspek ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekologi dan rekreasi.

Lokasi ekspedisi kali ini sangat unik kerana diadakan di Hutan Simpanan Kekal tertua yang terletak di tengah Bandar raya Metropolitan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan merupakan ikon pelancongan yang unik. Kedudukan Hutan Simpan Bukit Nanas yang terletak bersebelahan dengan Menara Kuala Lumpur menjadikan Taman Eko Rimba ini sering dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara.

JPSM adalah amat komited dalam penganjuran Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan yang bertujuan untuk meneroka, mengkaji dan mendokumentasikan maklumat kepelbagaian biologi yang terdapat dalam kawasan-kawasan Hutan Simpanan kekal di Semenanjung Malaysia.

PAYMENT FOR ECOSYSTEM SERVICES (PES) LAB FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA



Sesi bergambar bersama penceramah dan para peserta lab

KLANG, 6 Oktober 2015 - Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM telah mengadakan Payment for Ecosystem Services (PES) Lab Forestry Department Peninsular Malaysia pada 6-8 Oktober 2015 bertempat di Amverton Cove Golf & Island Resort, Pulau Carey, Selangor. Seramai 35 orang Pegawai Perhutanan dari Jabatan Perhutanan Negeri dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menghadiri lab ini. Dua orang penceramah telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai PES iaitu Prof. Dr. Awang Noor bin Abd. Ghani, dan Prof. Madya Dr. Zaiton binti Samdin daripada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tujuan utama lab ini diadakan adalah sebagai usaha mempertingkatkan kompetensi para pegawai perhutanan supaya dapat menilai ekonomi sumber hutan di Semenanjung Malaysia secara menyeluruh sekaligus dapat diperaktikkan dalam meningkatkan pendapatan kerajaan negeri. Di samping itu, ia juga merupakan persiapan awal bagi membantu memperkuatkkan penubuhan Pusat Perkhidmatan Ekosistem Hutan Tropika Malaysia (MTFESC).

Lab yang dijalankan selama tiga (3) hari ini telah memperkenalkan serta mempertingkatkan kefahaman para peserta terhadap prinsip dan konsep PES sebagai panduan dalam menilai ekonomi sumber hutan dalam pemeliharaan dan kesinambungan perkhidmatan ekosistem hutan negara.



Penceramah Dr. Zaiton Samdin memberikan taklimat kepada peserta lab



Prof. Dr. Awang Noor bin Abd. Ghani sedang menyampaikan taklimat

KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA

SELANDAR, 13 Oktober 2015 - Kempen Kesedaran Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara telah diadakan di Tapak Semaian Selandar, Jasin Melaka anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Melaka. Peserta program yang terlibat terdiri daripada 64 orang pelajar dan 16 orang guru dari pelbagai sekolah di daerah Jasin. Tujuan program ini diadakan ialah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar tentang kepentingan dan fungsi pokok bakau di samping memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai cara menabung anak pokok bakau mengikut kaedah yang betul serta memupuk semangat cintakan alam sekitar dan menghargai khazanah semulajadi yang ada di sekeliling.

Program tersebut dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Amar Hasrizal, Penolong Pegawai Ladang Hutan dan seterusnya taklimat oleh Encik Syahrul Nizam bin Sulaiman, Renjer, Pejabat Renj. Jasin. Para peserta telah berjaya menabung 300 anak pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai untuk ditanam di pesisiran pantai negara. Di akhir program, para peserta dapat mengetahui kaedah menyemai anak pokok dengan betul dan langkah-langkah yang perlu diambil bagi memastikan anak pokok tersebut dapat membesar dengan baik dapat dipelajari oleh pelajar. Pelajar juga turut mendapat pendedahan mengenai cara pengurusan dan penjagaan anak pokok di tapak semaian.



Aktiviti menabung anak pokok bakau



Para pelajar melakukan aktiviti merumput di tapak semaian



Anak pokok bakau yang telah siap ditabung oleh para peserta



Penyiraman anak pokok

MESYUARAT PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGUSAHASILAN HUTAN MENGGUNAKAN JENTERA LOG FISHER



YBrs. Tuan TKP (Operasi dan Teknikal) mempengerusikan mesyuarat



Pembentangan akhir oleh Pengarah Bahagian Kejuruteraan

MELAKA , 15 Oktober 2015 - Bahagian Kejuruteraan Hutan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Melaka telah mengadakan Mesyuarat Penambahbaikan Garis Panduan Pengusahahsilan Hutan menggunakan Jentera Log Fisher di Jabatan Perhutanan Negeri Melaka pada 16 hingga 19 Oktober 2015.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan draf akhir penambahbaikan Garis Panduan Pengusahahsilan Hutan menggunakan Jentera Log Fisher.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal), YBrs. Tuan Borhanudin bin Haji Arshad dan dihadiri oleh Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri.

LATIHAN ASAS TATACARA PENGGUNAAN, KESELAMATAN DAN PENYELENGGARAAN SENJATA API



Sesi bergambar para peserta yang menyertai latihan

KUALA SELANGOR, 17 Oktober 2015 - Satu Latihan Asas Tatacara Penggunaan, Keselamatan Dan Penyeleggaraan Senjata Api Bagi Kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) Bil.1/2015 telah berjaya diadakan bertempat di Lapang Sasar PDRM Jeram, Kuala Selangor. Latihan tersebut telah dirasmikan oleh Encik Mohd Tarmizi bin Ahmad, Penolong Pengarah Kanan Penguatkuasaan Hutan, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Seramai 50 orang kakitangan JPNS telah menyertai sesi latihan ini.



Sesi taklimat oleh anggota PDRM Bahagian Persenjataan, IPD Shah Alam

Sesi latihan ini telah dikendalikan oleh tiga (3) orang anggota PDRM Bahagian Persenjataan, IPD Shah Alam. Latihan serta pertandingan telah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu 'centre fire' individu dan berkumpulan serta kategori 'falling plate' berkumpulan. Peserta kursus telah berpeluang menggunakan pakai senapang jenis SMG HK MP5 A2 dan A3 9mm yang digunakan oleh anggota polis serta pistol jenis CZ, Walter dan Pump Gun milik Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Objektif latihan ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam penggunaan dan pengendalian senjata api di kalangan kakitangan selain dapat mengawal risiko terhadap diri sendiri, orang awam serta memberi kelebihan untuk bertindak dengan pantas dan betul dalam situasi kecemasan dalam usaha-usaha membendung kegiatan pembalakan haram atau kesalahan hutan semasa menjalankan tugasan Penguatkuasaan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di Negeri Selangor.



Sebahagian peserta menjalani sesi latihan



KURSUS DAN PENILAIAN DENDROLOGI



Encik Hamidi bin Abdul Halim, Ketua Seksyen Kompetensi menyampaikan taklimat sebelum penilaian dijalankan



Peserta sedang menjalani ujian penilaian



Sesi Pembelajaran yang disampaikan oleh Encik Zailan bin Mohamed Yusof, Penolong Pensyarah FORTRAIN



Peserta melakukan perbincangan mengenai pengecaman spesies

BUKIT BAKAR, 19 Oktober 2015 – Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah berjaya menganjurkan Kursus dan Penilaian Dendrologi bagi Pengawas Hutan Gred G11 hingga G26 pada 19 hingga 22 Oktober 2015. Kursus ini dilaksanakan selaras dengan saranan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk melatih serta membuat penilaian berterusan bagi meningkatkan kemahiran kakitangan Perhutanan dalam bidang pengecaman pokok di lapangan. Kursus ini diadakan dengan kaedah mengadakan penilaian sebelum dan selepas kursus bagi menilai kemampuan setiap peserta. Melalui kursus yang telah dianjurkan, berdasarkan analisa penilaian yang dilakukan ternyata kaedah ini menunjukkan peningkatan pemahaman, berbanding kaedah kursus tanpa ujian. Kursus ini akan diteruskan bagi semua skim perhutanan bermula dari Gred G11 hingga JUSA melalui modul yang ditetapkan.

THE 22nd MEETING OF THE CITES PLANTS COMMITTEE



Delegasi Malaysia bersama wakil Asian Dr. Zhua Zhihua.

GEORGIA, 19 Oktober 2015 – Mesyuarat tahunan CITES Plants Committee telah diadakan di Tbilisi, Georgia pada 19 hingga 23 Oktober 2015. YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diberikan penghormatan bagi mengetuai delegasi Malaysia yang turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Mesyuarat Ke-22 ini diadakan bagi

membincangkan dan membahas resolusi-resolusi *working groups*, mesyuarat dan persidangan sepanjang pelaksanaan COP16 berkaitan isu flora di bawah peraturan CITES untuk dimuktamadkan dan dibawa kepada COP17. Sebanyak 60 agenda utama telah dibincangkan dimana 20 darinya membincangkan berkenaan spesies pokok.

Perkara lain yang dibincangkan termasuklah polisi dan peraturan meliputi isu-isu penting seperti laporan spesies, kuota perdagangan, penyediaan laporan *Non Detrimental Finding* bagi spesies dari hutan semulajadi dan dari peladangan atau *artificially propagated*. Isu penyenaraian dan penguguran penyenaraian spesies, isu annotation, source code, penyeragaman pengertian dokumen mengikut bahasa yang diiktiraf oleh CITES, isu-isu saintifik dan bukan saintifik. Penyertaan berterusan Malaysia dalam mesyuarat ini amatlah penting bagi memastikan kepentingan Negara dalam sektor perhutanan terus terpelihara.

KUALA BERANG

Disediakan Oleh : Mohd. Nizam bin Awang
Bahagian Kejuruteraan Hutan, IPJPSM

KURSUS GARIS PANDUAN JALAN HUTAN 2010 (PINDAAN 2013)

KUALA BERANG, 20 Oktober 2015 – Bahagian Kejuruteraan Hutan dengan kerjasama Bahagian Latihan Perhutanan telah menganjurkan kursus Garis Panduan Jalan Hutan 2010 (Pindaan 2013) Bil. 2/2015 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Kuala Berang, Terengganu pada 20 hingga 22 Oktober 2015.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk melatih pegawai Jabatan Perhutanan mengenai penggunaan Garis Panduan Jalan Hutan (GPJH) 2010 (Pindaan 2013) di dalam pengurusan jalan hutan. Kursus ini dapat membantu memantapkan pengurusan jalan hutan dalam aspek perancangan,



YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal) telah hadir untuk menyempurnakan majlis penutupan kursus pembinaan, penyelenggaraan dan penutupan jalan hutan yang ditetapkan dalam GPJH 2010 (Pindaan 2013).

YBrs. TKP (Operasi dan Teknikal) telah menyempurnakan majlis penutupan kursus ini. Penceramah dan fasilitator bagi kursus ini adalah terdiri daripada pegawai-pegawai Bahagian Kejuruteraan Hutan. Sejumlah 40 peserta yang terdiri daripada kakitangan semua Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia telah menyertai kursus ini.



Penceramah memberi taklimat mengenai GPJH 2010 (Pindaan 2013)



Latihan Amali di lapangan dilakukan secara berkumpulan

PAMERAN SEMPENA MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA (MASM) PERINGKAT NEGERI KEDAH



SUNGAI PETANI, 22 Oktober 2015 – Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menganjurkan sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Pada tahun ini MASM membawa tema “Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari”. MASM ini diadakan sebagai satu kesedaran dan tindakan akan kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar untuk mencapai matlamat utama Dasar Alam Sekitar Negara (DASN).

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dan pelbagai agensi lain turut mengambil bahagian dalam menjayakan aktiviti yang telah dianjurkan dengan mengadakan pameran bagi sektor awam dan swasta. Antara aktiviti yang turut diadakan adalah Kaunter e-Swis & OER, Kem Kesedaran Alam Sekitar dan Promosi Rakan Alam Sekitar.

Objektif MASM adalah untuk aktiviti MASM bersama masyarakat di samping menerapkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan memulihara alam sekitar, melahirkan masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar bermula dari dalam diri sendiri dan melahirkan masyarakat yang sihat, cergas dan cerdas di samping menikmati keindahan alam sekitar yang terpelihara.

Majlis disempurnakan dengan Perasmian Minggu Alam Sekitar, 3P dan Rakan Alam Sekitar (RAS) oleh Exco Alam Sekitar Negeri Kedah iaitu YB. Dato’ Dr. Leong Yong Kong, DSDK., BKM.



KURSUS EKOPELANCONGAN HUTAN (ASAS HOSPITALITI DAN KHIDMAT PELANGGAN) TAMAN EKO RIMBA DAN HUTAN TAMAN NEGERI



Sesi Bergambar sewaktu Simulasi Program Ekopelancongan dan pengurusan pelawat di lapangan bersama pelajar-pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM)

PORT DICKSON, 26 Oktober 2015 – Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri telah menganjurkan Kursus Ekopelancongan Hutan (Asas Hospitaliti Dan Khidmat Pelanggan) Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri pada 26 hingga 30 Oktober 2015 bertempat di PNB Ilham Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada Renjer Hutan dan Pengawas Hutan yang dilantik sebagai *Forest Tour Guide* dan *Forest Eco Park Guide* bagi setiap Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai kursus ini. Pihak Penceramah yang telah diberi mandat bagi menyempurnakan kursus ini ialah terdiri daripada tenaga-tenaga pengajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) iaitu Prof. Madya Dr. Azlizam Aziz, Dr. Mohd Hafizal Ismail dan Encik Sam Shor Nahar bin Yaakob, mempunyai kepakaran yang khusus dalam bidang yang berkaitan dengan kursus ini.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah-kaedah komunikasi berkesan untuk khidmat kaunter serta meningkatkan kemahiran peserta mengenai pengurusan pelanggan dan aduan pelanggan. Kursus ini mampu mewujudkan peluang untuk peserta mempertingkatkan tahap profesionalisma dalam khidmat pelanggan dan meningkatkan keupayaan di dalam merancang dan mengendalikan program dan aktiviti ekopelancongan hutan di

Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri.

Kursus yang berlangsung selama lima (5) hari ini meliputi pelbagai aspek teori, latihan praktikal dan juga penganjuran acara simulasi yang melibatkan pelajar-pelajar daripada UPM yang mana ianya menjadi pengalaman dan panduan kepada semua peserta kursus di dalam melaksanakan tugas dan peranan di Jabatan Perhutanan Negeri masing-masing.



Simulasi Program Ekopelancongan dan pengurusan pelawat di lapangan – Taklimat di berikan oleh peserta kursus kepada pelajar-pelajar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM)



Sesi bergambar peserta kursus bersama tenaga pengajar dan pelajar-pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM)

KURSUS PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN BARANG KES KEPADА PEGAWAI PENYIASAT JPSM

KEPONG, 26 Oktober 2015 – Satu Kursus Pengurusan dan Pengendalian Barang Kes Kepada Pegawai Penyiasat JPSM telah diadakan pada 26 hingga 29 Oktober 2015 di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor yang melibatkan penceramah-penceramah daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Pengangkutan Jalan, Negeri Selangor, Jabatan Kimia Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Kursus ini disasarkan kepada semua Pegawai Penyiasat dan lain-lain pegawai JPSM dari Gred G27 hingga Gred G44 seramai 37 orang.

Objektif Kursus ialah memberi pemahaman dan pendedahan di dalam pengurusan dan pengendalian:

- i. DNA kepada Pegawai- pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di Semenanjung Malaysia terhadap penemuan DNA profiling bagi empat (4) spesies pokok oleh FRIM dan kaliberasi (*calibration*) habuk-habuk kayu dengan spesies pokok;
- ii. Jentera-jentera berat dalam proses penyiasatan kes;
- iii. DNA secara umum, contohnya, pengambilan spesimen DNA manusia seperti air liur, darah, cap jari, rambut dan lain-lain yang berkaitan; dan
- iv. bongkah-bongkah kayu/kayu-kayu dan lain-lain bahan bukti di tempat kejadian jenayah.

Selain itu, kursus ini juga sebagai langkah untuk memantapkan proses penyiasatan kes-kes kesalahan hutan dan pendakwaan di mahkamah seterusnya meningkatkan tahap penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 dan Enakmen Industri Berasas Kayu.



Peserta-peserta kursus sedang mendengar dan mengikuti ceramah di Dewan Alwy Bahagian Latihan Perhutanan Kepong



Latihan amali di Makmal Genetik bahagian Bio Teknologi Perhutanan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia



Sesi bergambar peserta yang menghadiri kursus Pengurusan dan Pengendalian Barang Kes kepada pegawai penyiasat JPSM di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong

MESYUARAT KETIGA MENTERI PERHUTANAN NEGARA-NEGARA KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (MMRF3)



Wakil Negara-Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik semasa MMRF3

PAPUA NEW GIUNEA, 27 Oktober 2015 - Mesyuarat Ketiga Menteri Perhutanan Negara-Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (MMRF3) telah diadakan di Port Moresby, Papua New Guinea pada 27-29 Oktober 2015. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Papua New Guinea, Mr. Peter O'Neil.

Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat ini. Manakala, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pula diwakili oleh YBhg. Dato' Nor Akhirrudin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan).

Mesyuarat Ketiga Menteri Perhutanan APEC telah berkongsi maklumat dan pandangan seperti berikut: (i) tindakan praktikal untuk meningkatkan litupan hutan di rantau Asia Pasifik, mengeratkan kerjasama antara negara-negara ahli dalam menangani isu pembalakan dan perdagangan haram; (ii) pentadbiran dan ketelusan dalam perdagangan kayu-kayan, produk bukan kayu dan perkhidmatan hutan dari sumber yang sah; dan (iii) peningkatan dan pembangunan industri perhutanan.

Penglibatan Malaysia di Mesyuarat Ketiga Menteri Perhutanan APEC adalah penting bagi menunjukkan komitmen dan sokongan negara untuk bekerjasama dengan negara-negara di peringkat APEC dalam melaksanakan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan. Selain itu, kehadiran Malaysia ke mesyuarat ini telah memastikan keputusan yang dibuat semasa mesyuarat adalah seimbang serta adil kepada negara memandangkan sektor perhutanan memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi, konservasi biodiversiti dan kestabilan alam sekitar negara.



Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bergambar bersama-sama dengan delegasi Malaysia ke MMRF3

KURSUS INTERPRESTASI SUMBER EKOPELANCONGAN (PAYA LAUT) JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT KG. SG. MELAYU, GELANG PATAH



Menyusuri sungai Paya Laut untuk melihat kawasan yang lebih menarik



Taklimat daripada Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan mengenai Hutan Paya Laut

GELANG PATAH, 28 Oktober 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menganjurkan satu Kursus Interpretasi Sumber Eko Pelancongan (Paya Laut) bersama masyarakat setempat Kampung Sungai Melayu, Gelang Patah pada 28 Oktober 2015. Pihak Jabatan telah menjalankan kerjasama dengan IRDA bagi menjayakan program ini. Kursus ini telah dihadiri oleh masyarakat setempat Kg. Sg. Melayu yang terdiri daripada 15 orang nelayan. Taklimat kursus ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Umar bin Abdullah, Pegawai Hutan Daerah Johor Selatan manakala penceramah bagi program pengecaman pokok paya bakau disampaikan oleh Encik Mohd Noor bin Ismail. Tujuan kursus ini untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mendalami kaedah interpretasi yang baik dan memantapkan pengecaman spesies pokok bakau.



Taklimat daripada Renjer Hutan Daerah mengenai pokok dan daun di paya laut

BENGKEL PENGECAKAN DAN PEMELIHARAAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2015 (ZON SELATAN)



Sesi Bergambar Penceramah, Para Peserta dan Urus setia Bengkel

KLUANG, 1 November 2015 - Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM telah menganjurkan Bengkel Pengecaman dan Pemeliharaan Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/Beruniform Tahun 2015 bagi Zon Selatan pada 1-5 November 2015 bertempat di Taman Rekreasi Gunung Lambak, Kluang, Johor Darul Takzim. Bengkel ini juga, dibuat khas kepada Pegawai di lapangan bagi Zon Selatan iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor serta Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Bengkel ini mendapat sambutan yang mengalakkkan dengan jumlah peserta seramai 28 orang. Penceramah jemputan bagi bengkel ini terdiri dari pegawai daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang iaitu Encik Mohd Nasir bin Mohamad dan Renjer bersara daripada Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu iaitu Encik Salleh bin Endut yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan spesies tumbuhan terancam. Bengkel pada kali ini turut mendapat bantuan fasilitator iaitu Renjer Kanan Rasli bin Che Hanafi, Encik Shamsu Bahri bin Ishak dan juga pasukan pemanjat JPN Pahang iaitu Encik Amidun bin Abdul Talib, Encik Azmi bin Mohamed dan Encik Hafizan bin Hamzah.

Tujuan bengkel adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia, memberi penekanan terhadap

kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan dan memberi pendedahan dalam meningkatkan tahap ilmu perhutanan dalam bidang dendrologi dengan pengumpulan sampel herbarium sepanjang bengkel berlangsung.

Bengkel selama lima (5) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan di dalam kumpulan yang meliputi penyediaan herbarium spesies terancam. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi pengecaman spesies terancam iaitu di Hutan Lipur Gunung Belumut, Hutan Lipur Panti dan Hutan Simpan Gunung Arong. Sebanyak 15 spesies Dipterokarpa terancam yang telah ditemui seperti *Anisoptera megistocarpa* (Mersawa merah), *Cotylelobium lanceolata* (Resak bukit), *Shorea blumutensis* (Damar hitam kelim), *Vatica hullettii* (Resak), *Vatica cuspidate* (Resak daun runcing), *Shorea singkawang* (Meranti sengkawang merah), *Shorea dasypylla* (Meranti batu), *Hopea johorensis* (Merawan mata kucing pipit) dan lain-lain yang masing-masing termasuk di dalam kategori *Critically endangered* (CR), *Endangered* (EN) dan *Vulnerable* (VU).



Sesi Teori bagi Pengecaman dan Pengenalan Spesies Terancam yang disampaikan oleh Encik Mohd Nasir bin Mohd Penolong Pegawai Kanan, Siasatan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)



Sesi Teori bagi Pengecaman dan Pengenalan Spesies Terancam yang disampaikan oleh Encik Mohd Nasir bin Mohd Penolong Pegawai Kanan, Siasatan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP)

MAJLIS PELANCARAN GANU INOKULUM JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 3 November 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah mengadakan Majlis Pelancaran Ganu Inokulum Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Majlis tersebut diadakan di Dewan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.B. Haji Nawi Bin Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan Dan Komoditi Negeri Terengganu. Turut hadir ke majlis ini ialah YBhg. Dato'Hj. Azmi bin Nordin, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, pegawai kanan, dan kakitangan. Antara aktiviti yang telah diadakan ialah penanaman pokok karas dan demostrasi penginokulasi pokok karas. Penerangan demostrasi penginokulasi pokok Karas telah disampaikan oleh En. Mohd Fauzi bin Awang Mat (Penolong Pegawai Ladang) dan dibantu kakitangan Unit Ladang, JPNT.



Disediakan Oleh : Azimahwati binti Mohd Alwee
Jabatan Perhutanan Negeri Johor



KURSUS PENGENDALIAN KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) DAN PEMANDUAN BERHEMATH JABATAN PERHUTANAN NEGERI JOHOR

Para Peserta Kursus Pengendalian Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) Dan Pemanduan Berhemah bergambar kenangan bersama penceramah selepas tamat kursus



Fasilitator sedang mengajar teknik menggunakan winch cable apabila kenderaan lain tiada dan perlu mengikat winch cable pada pokok yang kukuh



Teknik melepaskan kenderaan yang tersangkut dengan menggunakan winch cable yang betul

MERSING, 4 November 2015 - Program Kursus Pengendalian Kenderaan Pacuan Empat Roda (4x4) Dan Pemanduan Berhemah Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah diadakan selama tiga (3) hari bermula 2 November 2015 hingga 4 November 2015. Modul Pemanduan Berhemah telah diadakan di Politeknik Mersing manakala bagi Modul Pengendalian Kenderaan Pacuan Empat Roda serta sesi amali telah di adakan di Hutan Simpan Lenggor, Mersing. Kursus ini telah dihadiri seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu Pemandu Tetap dan juga Pemandu Sementara. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk mendedahkan peserta dalam pengendalian kenderaan 4x4 dan juga meningkatkan kesedaran dalam pemanduan secara berhemah.



PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSEMPENA KONVENTSYEN PERUBAHAN IKLIM COP21

BESTARI JAYA, 7 November 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan *Global Environment Centre* (GEC) telah berjaya menganjurkan Program Penanaman Pokok Bersempena Konvensyen Perubahan Iklim COP21 di Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut, Kompartment 73, Hutan Simpan Raja Musa, Bestari Jaya, Kuala Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Y.B. Elizabeth Wong Keat Ping, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Hj. Nor Akhiruddin bin Mahmud, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang mewakili YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Pegawai Daerah Kuala Selangor, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), wakil Pengarah UPEN dan lain-lain lagi.

Beberapa Duta dari Kedutaan Kesatuan Eropah (EU) dan Duta-duta Luar Negara seperti British High Commission, Indonesia, Romania dan Thailand telah menyertai program pada kali ini bersempena Konvensyen COP21 yang dijadualkan pada 30 November hingga 11 Disember 2015 di Paris. Selain itu, program penanaman pokok ini juga disertai seramai lebih 300 orang yang terdiri daripada kakitangan pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO seperti GEC dan Sahabat Hutan Gambut Selangor Utara (SHGSU) dan *Junior Peatland Forest Ranger* (JPFR). Pengajuran program tanaman pokok ini adalah merupakan satu usaha dimana ianya selari dengan inisiatif yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa dalam menangani keadaan perubahan iklim yang melibatkan pelepasan gas rumah hijau.

Antara aktiviti utama yang dijalankan selain daripada penanaman pokok adalah pelancaran 'Pledge COP21' untuk Negeri Selangor dan lawatan ke tapak pameran agensi-agensi seperti JPNS, PERHILITAN, MDKS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor, GEC dan SHGSU oleh para tetamu jemputan khas.

Sebanyak 360 anak pokok yang terdiri daripada spesies Tenggek burung (*Eoudia redleyi*) dan Ramin melawis (*Gonystylus bancanus*) telah berjaya ditanam oleh para peserta program.

Sidang akhbar juga telah diadakan selepas tamat program tersebut dimana ianya bertujuan untuk mewawarkan program serta aktiviti yang dijalankan ini kepada umum sebagai satu usaha meningkatkan lagi kesedaran masyarakat awam mengenai peranan JPNS dalam menguruskan sumber hutan negeri dan menjaga alam sekitar.



Ucapan Perasmian oleh Y.B. Elizabeth Wong Keat Ping, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna



Ucapan Aluan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor



Tetamu jemputan yang hadir semasa program perasmian berlangsung



Sebahagian peserta yang terlibat dalam aktiviti penanaman pokok

KURSUS PERTOLONGAN CEMAS ASAS & CPR



Peserta bengkel menjalani sesi latihan

KEPONG, 11 November 2015 - Bahagian Teknikal & Industri Kayu telah menganjurkan satu Kursus Pertolongan Cemas Asas & CPR (Cardiopulmonary Resuscitation) pada 11 hingga 12 November 2015 bertempat di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong. Objektif utama kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan asas kepada kakitangan Jabatan mengenai peringkat-peringkat tindakan awal pertolongan cemas kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan sebelum ketibaan pasukan perubatan. Bengkel ini juga dijalankan untuk memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994. Penceramah untuk bengkel ini

adalah pihak Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia diwakili oleh En. Kulwant Singh. Sejumlah 20 orang peserta terlibat yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM). Secara keseluruhannya, bengkel ini telah dapat melatih pegawai-pegawai dan kakitangan IPJPSM agar sentiasa bersedia dan mengetahui apa yang perlu dilakukan jika perlu memberikan tindakan awal pertolongan cemas kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan sebelum ketibaan pasukan perubatan, di pejabat khasnya dan di lain-lain tempat amnya.

Disediakan Oleh : Kadri bin Shaari
Bahagian Pengurusan Hutan, IPJPSM

KUANTAN

LAWATAN KERJA PENASIHAT SAINS Y.A.B. PERDANA MENTERI KE HUTAN PAYA GAMBUT PAHANG TENGGARA, PAHANG

KUANTAN, 11 November 2015 - Lawatan kerja oleh pejabat Penasihat Sains Y.A.B. Perdana Menteri Jabatan Perdana Menteri dikenai oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Zakri bin Abdul Hamid ke hutan paya gambut Pahang Tenggara, Pahang telah diadakan pada 11 November 2015. Lawatan diadakan berdasarkan arahan YAB Dato' Sri Perdana Menteri kepada Penasihat Sains semasa Ucapan Perasmian Mesyuarat Ke 3 APEC Economies' Chief Science Advisors and Equivalents (APEC CSAE) pada 15 Oktober 2015 agar dibentuk satu pasukan petugas bagi melihat sejauh mana sains dan teknologi boleh digunakan dalam persediaan menghadapi masalah jerebu kesan daripada pembakaran terbuka dan penerokaan hutan paya gambut. Program lawatan ini diuruskan oleh Seksyen Pengurusan Hutan Tanah Lembab, Bahagian Pengurusan Hutan IPJPSM bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang dengan bantuan dan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral dan Galian (JMG) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Pada lawatan ini, Tan Sri Dr. Penasihat Sains dan pasukan telah didedahkan tentang usaha-usaha yang telah dijalankan oleh

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama agensi-agensi lain dalam program pemuliharaan dan pencegahan kebakaran di kawasan hutan paya gambut. Ini termasuklah aktiviti pengurusan hidrologi di paya gambut seperti pembinaan menara tinjau oleh Jabatan Perhutanan, 'tube well' oleh JMG dan 'check dam' oleh JPS di bawah dana yang diselia oleh JAS serta projek perintis Voluntary Carbon Offset Scheme (VCOS) yang ditaja oleh pihak Malaysian Airline System (MAS) di Hutan Simpan Pekan (Tambahan).



Wakil dari JPSM, JPNP, JAS, JMG dan JPS bergambar bersama Tan Sri Dr. Penasihat Sains Y.A.B. Perdana Menteri



Melawat kawasan tanah gambut yang sering terbakar

KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA



Tanjung Tuan, 12 November 2015 - Seramai 300 orang pelajar sekolah sekitar Daerah Negeri Melaka telah terlibat dalam Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang sesuai di Pesisiran Pantai Negara anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Melaka yang diadakan di Hutan Lipur Tanjung Tuan, Negeri Melaka.

THE FORTY-NINTH SESSION OF THE COMMITTEE ON REFORESTATION AND FOREST MANAGEMENT



Delegasi Malaysia semasa Sesi Ke-49 *The Committee on Reforestation and Forest Management*

KUALA LUMPUR, 16 November 2015 - Sesi Ke-51 *The International Tropical Timber Council* telah diadakan pada 16 hingga 21 November 2015 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Bersempena dengan itu juga, Sesi Ke-49 *The Committee on Reforestation and Forest Management (CRF)* telah diadakan pada 17 hingga 20 November 2015. Sesi Ke-49 CRF telah dipengerusikan oleh Dr. M. Nurudeen Iddrisu daripada Ghana. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Hj. Abd.

Rahman bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia yang turut disertai oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Dalam sesi kali ini, Malaysia telah mengemukakan maklum balas kepada agenda-agenda yang dibincangkan antaranya (i) keperluan untuk pihak sekretariat mengadakan latihan kepada negara-negara anggota dalam penyediaan kertas cadangan projek; dan (ii) keperluan untuk mengadakan bengkel yang lebih teknikal dan bantuan kewangan bagi memastikan pelaksanaan kepada *ITTO Voluntary Guidelines for SFM* dapat dipatuhi secara efektif. Penyertaan berterusan dan aktif Malaysia dalam sesi mesyuarat ini amatlah penting bagi memastikan kepentingan Negara dalam sektor perhutanan terus terpelihara.

PAMERAN PERHUTANAN SEMPENA *51ST INTERNATIONAL TROPICAL TIMBER COUNCIL (ITTC) AND ASSOCIATED SESSIONS OF THE COMMITTEES.*

KUALA LUMPUR, 16 November 2015

- Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyertai Pameran Perhutanan di The Royal Chulan Hotel, Kuala Lumpur yang diadakan sempena *51st International Tropical Timber Council (ITTC) and Associated Sessions of The Committees*.

Pameran ini telah diadakan selama enam (6) hari dengan penyertaan sebanyak sembilan (9) buah agensi daripada pelbagai agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komidiiti (MPIC), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan lain-lain agensi yang berkaitan dengannya.

Objektif pameran ini adalah untuk mengetengahkan perkembangan industri kayu-kayan negara dan mempromosikan produk-produk kayu-kayan kepada semua peserta sesi tersebut. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia memilih tema pameran "Sustainable Forest Management and Trade in Malaysia".

Pelbagai informasi dipamerkan di dalam pameran tersebut terutamanya fungsi kepelbagaian hutan yang tidak tertumpu hanya semata-mata pada kayu-kayan. JPSM juga telah mengetengahkan *Forest Beyond Timbers* dan Pensijilan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan bagi lapan (8) *Forest Management Unit* (FMU) iaitu Negeri Selangor, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Johor, Kedah dan Negeri Sembilan.



YBhg. Dato' Sri. Dr. Hj. Abd. Rahman bin Hj. Abd. Rahim dan YBhg. Dato' Nor Akhirrudin bin Hj. Mahmud bersama peserta persidangan di booth pameran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia



Pengunjung-pengunjung yang melawat booth pameran

PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU BERSAMA MASYARAKAT SETEMPAT



Gambar Peserta Program Penanaman Pokok Bakau

NIBONG TEBAL, 17 November 2015 - Program Penanaman Pokok Bakau Bersama Masyarakat Setempat Sempena Lawatan Kerja Ahli Mesyuarat Teknikal Mengenai Perancangan dan Pelaksanaan Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara (JTPP) Bil.4/2015 telah diadakan pada 17 November 2015 bertempat di Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut, Sungai Acheh, Nibong Tebal, Pulau Pinang. Program ini merupakan anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Nelayan-nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA).

Tujuan utama program ini adalah bagi meningkatkan kesedaran khususnya kepada masyarakat sekitar Sungai Acheh, Nibong Tebal di dalam memelihara dan memulihara kawasan pesisiran pantai supaya menjadi lebih stabil serta memberi impak positif terhadap persekitaran biofizikal dan persekitaran fizikal pesisiran pantai negara untuk jangka masa panjang. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Pengarah Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, IPJPSM. Seramai 150 peserta yang terdiri daripada Ahli Mesyuarat Teknikal Mengenai Perancangan dan Pelaksanaan Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran

Pantai Negara (JTPP) Bil.4/2015, penduduk di sekitar kampung Sungai Acheh, Nibong Tebal dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah menyertai program ini. Sebanyak 500 pokok yang terdiri daripada spesies Bakau minyak (*Rhizophora apiculata*), Bakau kurap (*Rhizophora mucronata*), Tumu merah (*Bruguiera gymnorhiza*), Tumu putih (*Bruguiera sexangula*). Di samping itu juga empat pokok spesies terancam "endangered" iaitu Berus mata buaya (*Bruguiera hainesii*) telah berjaya ditanam.



Taklimat disampaikan oleh Encik Rusli bin Tahir,
Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang

KEM SAYANG HUTAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN 2015

MACHANG, 25 November 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kem Sayang Hutan pada 25 hingga 27 November 2015 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang, Kelantan. Kem ini melibatkan penyertaan seramai 76 orang peserta daripada Universiti Malaysia Kelantan. Matlamat utama kem ini adalah bagi menerapkan semangat cinta kepada alam semulajadi serta kesedaran terhadap kepentingan alam dalam kehidupan. Pelbagai aktiviti perhutanan telah dijalankan sepanjang kem ini berlangsung. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan YBrs. Tuan Haji Zahari Bin Ibrahim, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan bertempat di Universiti Malaysia Kelantan, Cawangan Bachok, Kelantan.



Peserta Kem yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Kelantan (UMK)



SIRI WACANA PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN “SAINS DAN AKAL BUDI MELAYU”



YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia memberikan ceramah mengenai "Sains dan Akal Budi Melayu".

KUALA LUMPUR, 27 November 2015- Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menganjurkan satu program siri wacana pemartabatan Bahasa Kebangsaan “Sains dan Akal Budi Melayu” dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Program ini telah berlangsung di Dewan Damar Minyak, IPJPSM dengan penyertaan sebanyak dua ratus (200) orang daripada kakitangan IPJPSM dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman martabat bahasa melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini, menegaskan pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan serta memperteguh sikap dan pendirian warganegara khususnya warga perhutanan terhadap peranan bahasa kebangsaan dalam pembentukan jati diri dan asas pembinaan negara.



Sekitar program siri wacana pemartabatan Bahasa Kebangsaan “Sains dan Akal Budi Melayu” di Dewan Damar Minyak, IPJPSM

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

CAMERON HIGHLANDS, 29 November 2015 -
 Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-35 Tahun 2015 yang diadakan di Cameron Highlands bermula pada 29 November 2015 sehingga 4 Disember 2015.

Seramai 16 orang ahli PUSPANITA telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti berfaedah dan menarik telah diadakan antaranya adalah aktiviti penanaman pokok di Tapak Semaian Cameron Highlands Montane Park (ChiMP), lawatan sambil beramal ke Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (TMC), Wad Perempuan, Wad Bersalin dan Wad Kanak-Kanak Hospital Sultanah Hajjah Kalsom, lawatan ke Lavender Farm dan Taman Agroteknologi Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) di Tanah Rata, bacaan yassin dan tazkirah di surau

diikuti aktiviti *jungle trekking* dan gotong royong di Hutan Lipur Sungai Pauh serta mempelajari teknik jahitan *patchwork* dan cara-cara membuat bunga crepe oleh ahli PUSPANITA. Majlis Penutup telah diadakan di Hotel Copthorne dengan ucapan penutup oleh Datin Hajjah Asmas binti Salleh, isteri Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dan YBhg. Datin Sri Hjh. Soriati binti Hj. Abd. Samad, isteri Ketua Pengarah Perhutanan diikuti dengan majlis penyampaian cenderahati.

Objektif Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri melalui pelbagai aktiviti yang telah disusun.



Majlis Perasmian Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-35 dan Majlis Perasmian Tapak Semaian Spesies Hutan Tanah Tinggi Cameron Highlands di Hutan Simpan Terla B.



Lawatan ke Lavender Garden.



Lawatan ke Unit Perubatan Tradisional dan Komplementari (TMC),
Wad Perempuan, Wad Bersalin dan Wad Kanak-Kanak,
Hospital Sultanah Hajjah Kalsom.

PERSIDANGAN PEGARAH-PEGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-35 TAHUN 2015



Gambar Persidangan Pegarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-35 Tahun 2015



Lawatan ke Mossy Forest

CAMERON HIGHLANDS, 30 November 2015 - Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-35 Tahun 2015 telah diadakan di Hotel Copthorne Cameron Highlands, Pahang pada 30 November hingga 4 Disember 2015. Majlis Perasmian Persidangan ini telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang pada 1 Disember 2015.

Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia adalah aktiviti tahunan jabatan yang menghimpunkan semua Pengarah Perhutanan Negeri dan sebahagian Pengarah Bahagian dari Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia untuk membincang, meneliti dan membuat keputusan dalam pelbagai isu dan masalah yang dihadapi bagi membolehkan tindakan penambahbaikan diambil dalam usaha ke arah pengurusan hutan secara berkekalan.

Terdapat sebelas (11) Kertas Kerja yang telah dibentangkan di dalam persidangan pada kali ini yang merangkumi pelbagai isu perhutanan. Selain itu, Lawatan Luar Rasmi juga telah diadakan di Mossy Forest, Hutan Simpan Batu Gangan Tambahan, Cameron Highlands Montane Park (CHiMP) dan menjelaki Denai Hutan Lipur Parit Falls.



YBhg. Dato' Sri Dr. Abd. Rahman bin Abd. Rahim melawat tapak semaihan H.S Terla B



Penyampaian replika kunci oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Abd. Rahman bin Abd. Rahim kepada YBhg. Dato' Haji Paiz bin Kamaruzaman sempena perasmian Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands

PERTANDINGAN KUIZ PELABURAN PNB 1 MALAYSIA

[KATEGORI BADAN BERUNIFORM] TAHUN 2015

ANJURAN PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)



Bergambar kenangan peserta akhir bersama pegawai penyelaras Ibu Pejabat dan pegawai penyelaras Negeri bagi pertandingan kuiz pelaburan PNB 1Malaysia [Kategori Badan Beruniform] Tahun 2015

PUTRAJAYA, 1 Disember 2015 - Pertandingan akhir Kuiz Pelaburan PNB 1Malaysia (Kategori Badan Beruniform) tahun 2015 telah berlangsung di *The Everly Hotel*, Putrajaya. Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB ini adalah merupakan kuiz yang dianjurkan oleh Permodalan Nasional Berhad. Tujuan kuiz adalah untuk melengkapkan usaha memperkasakan negara dengan lebih banyak maklumat mengenai pelaburan dan kepentingan perancangan kewangan. Program ini diadakan setiap tahun dengan empat (4) kategori iaitu badan beruniform, universiti, maktab perguruan dan sekolah menengah. Soalan-soalan dalam pertandingan adalah berkaitan dengan subjek pelaburan, perancangan kewangan, perakaunan dan ekonomi.

Mengikut rekod daripada pihak PNB, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyertai pertandingan ini semenjak tahun 2006. Pertandingan ini telah bermula dengan

pusingan kelayakan yang telah dijalankan pada bulan Julai 2015 dengan penyertaan daripada IPJPSM dan JPN terlibat di antaranya Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Pada tahun ini, JPSM telah mencatatkan penyertaan sebanyak 322 orang berbanding tahun 2014 iaitu seramai 10 orang dan ianya merupakan penyertaan tertinggi JPSM semenjak penyertaannya dan telah menerima Anugerah Khas Penghargaan Penyertaan. Sebanyak empat (4) zon yang diwakili oleh JPSM telah layak ke pusingan separuh akhir dan wakil Zon Selatan iaitu JPN Negeri Sembilan telah layak ke pusingan akhir. Pertandingan separuh akhir dan akhir telah berlangsung pada 30 November 2015 -1 Disember 2015 di *The Everly*, Putrajaya dan pada pertandingan tersebut, JPSM telah mendapat tempat ke-12 dengan membawa pulang hadiah saguhati sebanyak RM2,000.00 beserta trofi.

KEMPEN KESEDARAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN

BACHOK, 8 Disember 2015 – Kempen Kesedaran Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan Tahun 2015 Bil. 2/2015 bertempat di Tapak Penanaman Pokok Rhu Pantai Senok, Bachok, Kelantan. Kempen ini melibatkan penyertaan seramai 100 orang mahasiswa/mahasiswi tahun kedua Fakulti Seni & Warisan Universiti Malaysia Kelantan.



Aktiviti gotong royong sepanjang Tapak Penanaman Pokok Rhu di Pantai Senok, Bachok.



Sesi bergambar bersama
YBrs. Pen. Pengarah Silvikultur dan Perlindungan

LAWATAN KERJA TIMBALAN PENGARAH PERHUTANAN NEGERI JOHOR EN. JEFFRI BIN RASHID KE DAERAH JOHOR TIMUR, MERSING.



Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Johor bergambar kenang-kenangan bersama-sama kakitangan Pejabat Renj Hutan Lenggor dan Renj. Hutan Tenggaroh. Turut sama di dalam gambar tersebut ialah En Mohd Syahrir Azrin Bin Salleh dan En. Shohaimi Bin Md Sani.



Encik Mohd Syahrir Azrin Bin Salleh dan kakitangan Pejabat Renj. Hutan Lenggor sedang menanam pokok

MERSING, 21 Disember 2015 - Jabatan Perhutanan Negeri Johor telah menerima seorang Timbalan Pengarah Perhutanan yang baru iaitu En. Jeffri Bin Rashid bagaimenggantikan Timbalan Pengarah yang telah bertukar ke Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di Kuala Lumpur. Susulan daripada itu, beliau telah mengadakan satu sesi lawatan kerja ke Daerah Johor Timur, Mersing. Beliau turut diiringi oleh Penolong Pengarah Kanan (Silvikultur & Perlindungan) Jabatan Perhutanan Negeri Johor iaitu Encik Mohd Syahrir Azrin Bin Salleh dalam lawatan tersebut. Semasa berada di Daerah Johor Timur, Mersing beliau telah di bawa melawat ke setiap Pejabat

Renj dalam daerah Mersing bagi mengenali lebih dekat dengan kakitangan jabatan.

Sempena lawatan beliau ke Pejabat Renj Hutan Lenggor, beliau telah menanam pokok **Mengkulang jari (*Heritiera javanica* (Blume) kosterm)** di Tapak Arboretum, Pejabat Renj Hutan Lenggor. Manakala Encik Mohd Syahrir Azrin bin Salleh telah menanam anak pokok pokok **Podo kebal musang (*Nageia motleyi* (parl.)de laub)** sementara Encik Shohaimi bin Md Sani, Pegawai hutan Daerah telah menanam pokok **Meranti temak nipis (*Shorea roxburghii* d.don).**

LAWATAN RASMI TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE PULAU LANGKAWI



LANGKAWI, 25 Disember 2015 - Satu lawatan rasmi oleh Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar YB Datuk Ir. Haji Hamim Bin Samuri ke KILIM Geopark, Hutan Simpan Kisap, Pulau Langkawi telah diadakan. Lawatan rasmi YB Datuk Timbalan Menteri bertujuan meninjau projek-projek seliaan jabatan di bawah NRE. Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YBhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Nor Akhiruddin bin Mahmud, Pengarah Perhutanan Negeri Kedah YM Ku Azmi Bin Ku Aman, SUB Bahagian Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pegawai-pegawai kanan jabatan perhutanan serta pengarah-pengarah dari Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Taman Laut Malaysia serta beberapa wakil jabatan lain.

Antara keunikan yang terdapat di KILIM ialah laluan menyusuri Sungai KILIM dengan keindahan flora dan bakau semulajadinya. Taklimat berkenaan spesies bakau telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Pembangunan) Encik Abdul Rahman bin Abdul Jalil di Santuari Bakau, KILIM. Ahli rombongan seterusnya dibawa ke *Eagle Watching* iaitu satu kawasan di mana burung-burung helang memburu makanan seperti ikan-ikan dan hidupan akuatik untuk dijadikan sumber makanan.



YB Datuk Ir. Haji Hamim Bin Samuri semasa meninjau keunikan Fish Farm



Taklimat oleh En Abdul Rahman b Abdul Jalil kepada ahli rombongan.



Ketibaan YB Datuk Ir. Haji Hamim Bin Samuri disambut oleh YM Ku Azmi Bin Ku Aman Pengarah Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman.



LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (EVACUATION DRILL)



Kakitangan IPJPSM berkumpul di hadapan kantin selepas mendengar bunyi siren



KUALA LUMPUR, 29 Disember 2015 - Bahagian Teknikal & Industri Kayu dengan bantuan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) IPJPSM telah mengdakkan satu Latihan Pengungsian Bangunan (*Evacuation Drill*) pada 29 Disember 2015 yang bertempat di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Objektif utama latihan ini diadakan adalah untuk memastikan kakitangan jabatan sentiasa bersedia untuk mengosongkan bangunan sekiranya berlaku kejadian kebakaran atau kecemasan yang lain.

Secara kebiasaannya, sistem penggera kebakaran bangunan akan diaktifkan dan penghuni bangunan tersebut perlu mengosongkan bangunan dengan kadar segera. Secara amnya, masa yang diambil untuk mengosongkan bangunan diukur untuk memastikan bahawa ia berlaku dalam tempoh masa yang munasabah ataupun

yang dibenarkan, dan latihan ini juga adalah untuk mengenalpasti masalah dengan Sistem Kecemasan Pejabat atau Prosedur Pengungsian Bangunan yang tidak efektif supaya ianya dapat diperbaiki.

Latihan ini telah berjaya kerana tempoh masa yang diambil oleh kakitangan yang berada di pejabat pada masa tersebut untuk berkumpul adalah dalam sela masa 5 minit dan ia melibatkan semua bangunan pejabat dalam kawasan IPJPSM iaitu Blok Ara, Blok Balau, Blok Chengal dan Blok Damar Minyak. Jumlah kakitangan yang berkumpul pada pagi tersebut adalah seramai 140 orang iaitu kakitangan yang berada di pejabat ketika waktu tersebut. Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) IPJPSM juga telah melakukan tugas mereka dengan cemerlang kerana berjaya memastikan semua kakitangan keluar daripada bangunan dengan selamat.



Encil Ahmad Jalil bin Jaafar, Pengarah Bahagian Teknikal dan Industri Kayu memberikan taklimat ringkas kepada semua kakitangan IPJPSM

PROGRAM SAMBUTAN MALAM TAHUN BARU KALI KE-7 2015 PERSATUAN BELIA DINAMIK BARAT

KUALA LUMPUR, 29 Disember 2015 - Persatuan Belia Dinamik Barat dengan kerjasama Menara Kuala Lumpur dan Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjurkan program Sambutan Malam Tahun Baru Kali Ke-7 2015 di Taman Eko Rimba Bukit Nanas.

Program ini telah berlangsung selama tiga (3) hari mulai 29 Disember 2015 hingga 1 Januari 2016 dan dihadiri oleh 200 orang peserta termasuk urus setia. Turut hadir di dalam program ini ialah En. Zaharduddin bin Abd. Majid, Pengerusi Persatuan Belia Dinamik Barat N. Sembilan.

Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk memupuk semangat cintakan alam sekitar dengan menjaga kebersihan di samping mengeratkan silaturrahim di kalangan belia. Terdapat dua lokasi gotong-royong dijalankan iaitu di sepanjang jambatan gantung dan di kawasan padang dan sekitarnya. Ag. Shaffie bin Ag Ahmadni, Pengarah Perhutanan WPKL telah memberikan taklimat berkenaan kesedaran hutan dan aktiviti gotong-royong kepada semua peserta.

Pn. Nurul Azieah binti Abdullah, Penolong Pegawai Belia & Sukan Daerah Seremban turut hadir bagi merasmikan Penutupan Program.



Sesi fotografi bersama peserta



Sesi fotografi bersama Pegawai Belia & Sukan Daerah Seremban (tengah) & Pengerusi Persatuan Belia Dinamik Barat N. Sembilan (baju hijau)



Peserta yang sedang menjalankan gorong-royong



Taklimat Kesedaran Hutan oleh PPWPKL, En. Ag. Shaffie bin Ag Ahmadni

KEMPEN DERMA BUKU PERPUSTAKAAN IPJPSM 2015

Sepanjang tahun 2015 Seksyen Perpustakaan, Bahagian Khidmat Pengurusan, IPJPSM telah menganjurkan 'Book Donation Campaign: Drop to Donate to Library FDPM'. Objektif kempen ini diadakan bagi menggalakkan warga IPJPSM untuk membuat sumbangan bahan bacaan bagi menambahkan koleksi dan rujukan kepada Perpustakaan.

Bahan-bahan bacaan yang disumbangkan mempunyai nilai-nilai ilmiah (akademik), bacaan santai (seperti buku, majalah, novel) dan bahan itu juga hendaklah berada dalam keadaan yang baik. Sejumlah 29 naskah telah disumbangkan oleh warga IPJPSM sepanjang tahun 2015



Disediakan oleh: Siti Sarah binti Shaharuddin
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

PROGRAM IBADAH KORBAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH



Disediakan oleh : Nor Wahidah binti Amran
Jabatan Perhutanan Negeri Selangor

PROGRAM IBADAH KORBAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR



Disediakan oleh : Suhana binti Bebakar
Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan, IPJPSM

BENGKEL PENGLIBATAN WANITA DALAM PENGURUSAN HUTAN SECARA MAMPAH (SFM): DASAR DAN AMALAN, INSTITUTE OF TROPICAL FORESTRY, YUNNAN CHINA.



LATIHAN KEMAHIRAN MENEMBAK TAHUN 2015

3 SEPTEMBER 2015

DI LAPANG SASAR BRIGED TENGGARA PASUKAN GERAKAN AM (PGA),
KEM BUKIT GALING, KUANTAN



KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK PESISIRAN PANTAI NEGARA PERINGKAT NEGERI PERLIS

18 NOVEMBER 2015

LOKASI: PERSIARAN PANTAI KUALA SANGLANG, PERLIS



SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI PERLIS

20 NOVEMBER 2015

LOKASI: SEK. MEN. KEBANGSAAN BESERI, PERLIS

